



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MD GHANI BIN MAT
TOKOH ADIGURU PERTUKANGAN BLOK BATIK**

OLEH:

MOHD AFIQ BIN MOHAMMAD	2014432444
MUHAMMAD ZUL HAQIF BIN MOHD AZMI	2014418984

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PEBGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MD GHANI BIN MAT
TOKOH ADIGURU PERTUKANGAN BLOK BATIK

OLEH:

MOHD AFIQ BIN MOHAMMAD	2014432444
MUHAMMAD ZUL HAQIF BIN MOHD AZMI	2014418984

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kami dapat menyempurnakan tugas yang diberi iaitu Projek Sejarah Lisan dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa pelbagai kekangan yang terpaksa kami hadapi sebelum dan selepas selesai temubual bersama tokoh, namun dengan berkat dan kesabaran dan pertolonganNya kami dapat mengatasi masalah yang dihadapi dan dapat menyiapkan tugas yang diberi.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Oral Documentation (IMR604), iaitu Puan Nurulanissa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dalam menyiapkan tugas yang diberi, tanpa beliau kami tidak dapat menyempurnakan tugas yang diberi dengan sepenuhnya.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Md Ghani Bin Mat, tokoh seni membuat blok batik yang kami hormati atas kerjasama beliau dalam perkongsian ilmu dan pengalaman yang sangat bermakna yang diberikan kepada kami.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	5
Bahagian 3: Sejarah Pekerjaan Awal.....	7
Bahagian 4: Pengalaman Sepanjang Menjadi Pembuat Blok Batik.....	10
Bahagian 5: Sumbangan.....	20
Bahagian 6: Pencapaian.....	23
Bahagian 7: Cabaran.....	26
Bahagian 8: Teknik Membuat Blok Batik.....	32
Bahagian 9: Idola dan Inspirasi.....	39
Bahagian 10: Harapan dan Impian.....	42
Rujukan.....	43
Lampiran	
Senarai soalan	45
Log Wawancara.....	51
Diari Kajian.....	60
Lampiran	64
Indeks	67

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah diantara kami dengan Encik Md Ghani Bin Mat, seorang tokoh dan adiguru seni membuat blok batik. Wawancara ini dijalankan di bengkel beliau yang bersebelahan dengan kediaman beliau di No 10-A, Kampung Chenderong Batu Lorong Madrasah Pok Noh 16250 Wakaf Bharu, Kelantan. Sesi wawancara ini telah dijalankan pada hari Ahad, 29 November pada pukul empat petang. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Encik Md Ghani Bin Mat dan pengalaman beliau sepanjang menghasilkan blok batik sehingga sekarang. Ketika temuramah ini berlangsung kami menerima input dan mengetahui serba sedikit tentang seni membuat blok batik yang sekarang ini semakin ditelan dek zaman di Malaysia. Disamping itu juga, temuramah ini dapat memberi serba sedikit gambaran tentang pengalaman dan sumbangan yang beliau berikan didalam seni membuat blok batik.*

Kata kunci : Encik Md Ghani Bin Mat, Md Ghani, blok batik, adiguru, kraftangan

BIODATA TOKOH



Nama : Encik Md Ghani Bin Mat

Tarikh Lahir : 23.12.1956

Tempat Lahir : Pasir Mas, Kelantan

Warganegara : Malaysia

Status : Berkahwin

Nama Ibu : Che Minah Binti Haji Abdullah

Nama Bapa : Mat Bin Ismail

Bilangan Anak : 5 orang

Pendidikan : Sekolah Kebangsaan Ibrahim, Pasir Mas, Kelantan

Pengalaman Kerja : 40 Tahun keatas dalam pembuatan blok batik

Alamat Terkini : No 10-A, Kampung Chenderong Batu Lorong Madrasah Pok Noh 16250
Wakaf Bharu, Kelantan.

No Telefon : 014-527 ####

PENGENALAN

Tokoh yang dipilih untuk ditemuramah ialah Encik Md Ghani Bin Mat, beliau merupakan pembuat kraf blok batik yang telah diberi anugerah Adiguru Blok Batik oleh Kraftangan Malaysia. Anugerah ini diberikan kepada pakar dalam seni kraf warisan Negara mengikut bidang kemahiran masing-masing. Kami memilih beliau kerana ingin mengetahui lebih mendalam tentang latar belakang, pengalaman, sumbangan dan cabaran yang dihadapi sepanjang menghasilkan karya seni blok batik di Malaysia amnya. Beliau bermula menghasilkan seni pembuatan blok batik ini seawal remaja lagi dengan menghadiri satu kursus di Kota Bharu. Dengan pengalaman lebih 40 tahun di dalam bidang ini. Anak ketiga daripada lima adik beradik ini kini digelar sebagai Adiguru Blok Batik sejak tahun 2011 hasil usaha beliau memelihara dan memartabatkan seni warisan negara ini dari pupus dalam zaman yang serba moden ini.

Beberapa cabaran sepanjang menghasilkan blok batik ini menambahkan lagi azam Md Ghani untuk meneruskan legasi budaya masyarakat melayu ini. Walaupun bukan mewarisi kemahiran secara turun-temurun dalam bidang pembuatan blok batik, Md Ghani dilihat amat menyintai seni ini dengan berharap pihak kerajaan mengambil serius untuk terus memelihara seni ini dan memupuk minat anak-anak muda zaman sekarang didalam seni membuat blok batik supaya ianya tidak hilang begitu sahaja dan hanya menjadi sebahagian daripada sejarah. Beliau juga bersikap terbuka untuk mengajar sesiapa sahaja yang berminat untuk membuat blok batik di bengkelnya selain inisiatif kerajaan yang memberi elaun kepada pelajar yang berminat mempelajari bidang ini. Bagi kami usaha Md Ghani ini amat menyentuh perasaan, walaupun pendapatan beliau hasil membuat blok batik ini tidak seberapa, namun semangat beliau untuk

melihat seni ini tidak pupus patut dipuji dan diberi penghargaan yang sewajarnya. Berbekalkan jiwa yang kental, lelaki yang menjangkau umur 60 tahun ini masih gagah menghasilkan hasil seni yang bernilai ini setiap hari tanpa rasa jemu demi.

Oleh itu kami memilih tokoh seni ini kerana bagi kami usaha beliau sejak tahun 70an ini benar-benar menarik minat kami yang selama kami tidak mengenali orang-orang seperti Md Ghani ini. Sepertinya insan seni seperti Encik Md Ghani Bin Mat ini seolah 'Hero Yang Tidak Didengarkan'.

TRANSKRIP

MA : Mohd Afiq Bin Mohammad

MZH : Muhammad Zul Haqif Bin Mohd Azmi

MG : Md Ghani Bin Mat

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG

MA : Assalamualaikum, ini adalah rakaman audio temubual bersama Encik Md Ghani Bin Mat, seorang tokoh yang dianugerahkan sebagai Adiguru dalam bidang pembuatan blok batik di Wakaf Bharu. Baiklah, boleh saya mulakan sekarang? Siapakah nama sebenar encik?

MG : Nama saya sebenarnya Md Ghani Bin Mat. M-D-G-H-A-N-I bin M-A-T

MA : Apakah nama gelaran encik?

MG : Biasanya orang panggil Pak Ghani.

MA : Bilakah Encik Ghani dilahirkan?

MG : Tarikh lahir saya pada *dua puluh tiga* [23] hari bulan *dua belas* [12] *tahun sembilan belas lima puluh enam* [1956].

MA : Di manakah Encik Ghani dibesarkan?

MG : Saya dibesarkan di Pasir Mas.

MA : Pasir Mas? Maksudnya bukan berasal di Wakaf Bharu?

MG : Tidak. Saya berasal daripada Pasir Mas.

MA : Adakah di sini tempat tinggal Encik Ghani?

MG : Ya, di Wakaf Bharu.

MA : Siapakah nama penuh ayah encik?

MG : Nama penuh bapa saya Mat Bin Ismail.

MA : Siapakah pula nama ibu encik?

MG : Nama ibu saya Che Minah Binti Haji Abdullah.

MA : Berapa orang adik beradik Encik Ghani?

MG : Adik beradik saya *lima* (5) orang. Semua lelaki.

MA : Encik Ghani anak yang ke berapa?

MG : Saya anak ketiga[3].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN

MA : Seterusnya ialah soalan secara ringkas mengenai sejarah pendidikan Encik Ghani. Dimanakah encik bersekolah?

MG : Saya belajar *setakat* [sehingga] darjah *enam* [6] sahaja di Pasir Mas. Sekolah saya tu namanya S.I.S.

MA : S-I-S?

MG : S-I-S Primary School. Setakat darjah *enam* [6] *saja* [sahaja] lah. Setakat darjah enam (6).

MA : Apakah kenangan manis Encik Ghani di sekolah yang Encik tak boleh lupakan?

MG : Kalau kenangan manis *tu* [itu] saya rasa saya berminat dalam sukan lah.

MA : Jadi Encik Ghani aktif lah di sekolah?

MG : Ya, kalau sukan saya suka masuk dalam lumba lari.

MA : Olahraga?

MG : Ya, olahraga.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3 : SEJARAH PEKERJAAN AWAL

MA : Kita ke soalan seterusnya. Sebelum Encik Ghani menceburi bidang buat blok batik, adakah Encik Ghani ada pekerjaan lain selepas tamat sekolah?

MG : Ada, dulu saya bekerja *tempat* [di tempat] buat batik. Pengusaha batik-- Pengusaha batik ni saya bekerja di Kampung Sungai ----- di pinggir Kota Bharu.

MA : Kampung--

MG : Kampung Sungai Budor.

MA : Sungai Budor?

MG : Sungai B-U-D-O-R.

MA : Berapa lamakah Encik Ghani bekerja di sana?

MG : Lebih kurang *setahun* [1].

MA : *Setahun* [1] lebih juga?

MG : Ya, saya bekerja sambil belajar buat batik.

MA : Apakah sumbangan Encik Ghani sepanjang bekerja di situ?

MG : *Bila* [apabila] saya *perhati* [memerhati] blok batik masa *dia* [pekerja batik] menggunakan blok batik, saya tertarik macam mana cara *nak* [hendak] buat blok batik.

MA : Adakah Encik Ghani bekerja sebagai pengecop batik di situ?

MG : *Tak* [tidak], saya bekerja sebagai pencelup kain *je* [sahaja] tapi ada lah pekerja *dia* [pekerja batik] yang mengecop batik. Jadi kita tengok blok--

MA : Terfikir macam mana *dia* [pengecop batik] membuat blok batik?

MG : Jadi dari situ lah saya berminat untuk nak [hendak] belajar buat blok batik.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4 : PENGALAMAN SEPANJANG MENJADI PEMBUAT BLOK BATIK

MA : Sekarang kita masuk pula kepada tajuk pengalaman sepanjang menjadi tukang pembuat blok batik. Bolehkah encik terangkan serba sedikit tentang blok batik ni. Dari manakah asal usul blok batik atau mungkin sejarah dia?

MG : Saya pun *tak* [tidak] berapa pasti juga tapi sekadar saya boleh beritahu setakat apa yang saya tahu, blok batik dia wujud *dulu* [dahulu] diperbuat daripada kayu pada asalnya. Tapi selepas *tu* [itu] saya *tak* [tidak] tahu tahun berapa. Biasanya saya rasa dalam tahun *lima puluhan* [50] lah blok kayu ni. Selepas tu dia ----- tahun berapa saya pun lupa juga. Jadi selepas itu dia buat blok yang *dibuat* [diperbuat] daripada zink.

MA : Bukan besi?

MG : Belum lagi masa tu. Dia *buat* [diperbuat] *dengan* [daripada] zink serta cebisan tin susu lah. Jadi masa tu tahun *tujuh puluhan* [70-an] baru saya masuk belajar buat blok batik *ni* [ini] dengan pengusaha blok batik. Boleh saya cerita terus?

MA : Boleh, silakan.

MG : Lepas *tu* [selepas itu] nama pengusaha blok batik *ni* [ini] nama dia ----- tauke saya *tu* [itu] Muhamad Zain Ali namanya.

MA : Zain Ali? Zain?

MG : Z.A.I.N Bin Ali. Masa *tu* pekerja dia ramai. Lebih kurang belas-belasan orang juga lah. Dalam *lima belas* [15] orang termasuk saya. Masa *tu* saya belajar sambil bekerja lah. Saya sebagai—

MA : Bekerja sambil belajar buat blok batik?

MG : Jadi masa *tu* saya sebagai *designer* [pereka corak]. Pereka cipta *design* [corak].

MA : Corak batik?

MG : Lepas *tu* [selepas itu] saya belajar sambil saya buat *design* [corak], saya belajar *sikit-sikit* [sedikit demi sedikit]. Saya bekerja di situ lebih kurang *dua* [2] tahun.

MA : *Dua* [2] tahun selepas membuat batik tadi?

MG : Ya, saya masuk tempat buat blok. Saya berhenti *tempat buat batik* [dari tempat membuat batik] *tu* [itu]. Apa lagi yang saya *kena* [perlu] ceritakan?

MA : **Jadi sebab memilih bidang ini ialah kerana berminat? Adakah Encik Ghani ada mewarisi bakat membuat blok batik ini daripada ahli keluarga? Mungkin dari ayah encik?**

MG : *Tak* [tidak], ayah saya bukan tukang buat batik. Dia *tak* [tidak] terlibat. Dia peniaga *kedai kopi* [kedai makan] *je* [sahaja]. Dia tidak terlibat lah dalam bidang ini.

MA : Jadi beliau tidak terlibat dalam bidang buat batik?

MG : Tidak.

MA : Adakah Encik Ghani belajar membuat blok batik dari *tempat Zain Ali* [pengusaha batik]?

MG : Ya, Zain Ali.

MA : Adakah encik pernah menyertai kursus?

MG : Kursus tu tak pernah. *Bukan seperti keadaan sekarang* [tidak sama masa kini] *ni* [ini] kerajaan banyak *offer* [menawarkan] kursus. Saya ni boleh dikatakan mahir dengan sendiri lah, belajar di *tempat* [tempat pengusaha batik] *tu* [itu] dan pandai dari situ.

MA : Maksudnya mahir daripada pengalaman?

MG : Ya dan *tak* [tidak] menyertai kursus pun sebelum ni.

MA : Sebelum ini Encik Ghani mengatakan yang encik ada pekerja lain yang membantu membuat blok batik ni. Adakah encik Ghani yang bertanggungjawab memberi tunjuk ajar kepada mereka untuk membuat blok batik?

MG : Begini. Dulu semasa saya membuat blok batik saya bukan buat di sini. Saya mula di Kampung Sungai Budor. Masa tu selepas saya belajar *dua* [2] tahun saya buat sendiri. Selepas itu saya bekerja sendiri masa *tu* [itu] *tak* [tidak] pakai pekerja lagi selepas *setahun* [1 tahun] saya pun cari pekerja. Pada tahun *lapan* [80-an] saya pernah pakai pekerja lebih kurang *sepuluh* [10] orang sehingga *sembilan puluhan* [90-an] lebih kurang. *Lepas tu* [selepas itu] macam tak maju jadi saya terpaksa buang *orang* [pekerja]. *Sampai* [sehingga] sekarang tinggal saya seorang.

MA : Adakah Encik Ghani ada membawa pekerja untuk bekerja di sini?

MG : Bawa seorang tapi dia malas *berulang* [berulang-alik] jadi dia berhenti sebab *jauh sangat* [terlalu jauh].

MA : Soalan seterusnya, adakah Encik Ghani juga mengajar anak-anak untuk membuat blok batik.

MG : Ada, *dia* [mereka] pandai, *dua-dua* [2] lelaki tetapi *dia* [mereka] *tak* [tidak] berminat dengan membuat blok batik. *Dia* [mereka] rasa susah atau macam mana atau *dia* [mereka] *nak* [hendak] cari kerja yang lebih senang.

MA : Berapakah umur mereka?

MG : Yang sulung tu umur dia *dua puluh enam* [26] tahun tapi dia meniaga sendiri. Dia minat *kepada* [membuat] batik. Jadi dia buat batik sekarang *ni* [ini], dia tidak membuat blok batik tetapi menjadi pengusaha batik dan saya ada anak yang ketiga. Dia boleh buat *blok* [blok batik] tapi dia tidak berminat. Kalau kita suruh dia buat sekalipun dia buat *sikit-sikit* [sedikit-sedikit] saja [sahaja]. Dia tidak berminat sangat. Masa ada *mood* [rajin] dia akan buat.

MA : Berapakah umur anak ketiga?

MG : Umur dia *dua puluh satu* [21] tahun.

MA : Adakah dia masih belajar?

MG : *Tak* [tidak], selepas habis SPM dia cari kerja sendiri.

MA : Seterusnya, apakah cabaran ketika mengajar pekerja atau anak-anak encik membuat blok batik?

MG : Kalau diikutkan memang banyak [cabaran], Contohnya, sekarang *ni* [ini] susah mencari orang yang berminat *nak* [hendak] buat blok batik atau yang betul-betul berminat. *Kraftangan* [pihak kraftngan] pernah bagi *kita* [saya] *untuk mengajar* [peluang untuk mengajar]. Saya rasa lebih kurang *lima puluh* [50] orang saya telah mengajar membuat blok batik tetapi semuanya tidak *sangkut* [tidak bertahan]. Mereka tidak berminat, saya sendiri pun *tak* [tidak] tahu. Lagipun sekarang *ni* [ini] kerajaan sanggup membayar elaun kepada mereka sebanyak *empat ratus lima puluh* [450] ringgit *sebulan* [1]. *Tujuan* [mengajar] ialah untuk meramaikan lagi pembuat blok batik. Jadi *mereka* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia]...

membuat *cara* [kaedah] ini. Kita ajak *dia* [mereka] bekerja dengan *kita* [saya] tapi *dia* [mereka] tak [tidak] mahu. Itu masalahnya sekarang ini. Kita nak [hendak] cari yang betul-betul berminat tu susah.

**MA : Soalan setrusnya. Adakah tempat membuat blok batik sekarang ini di sini?
Adakah encik ghani sendiri yang bangunkan tempat ini?**

MG : Ya, bengkel ini sebenarnya *kraftangan* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] yang *bagi* [sumbangan]. Dulu saya buat di Sungai Budor. Selepas itu *mereka* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] tanya jika ada tanah sendiri, *mereka* [pihak kraftangan] akan buat bengkel. Jadi saya *kata* [beritahu] ada tanah isteri saya. Mereka pun sanggup *membina* [bengkel]. Jadi bengkel ini lebih kurang *dua puluh* [20] kaki persegi yang mereka *bagi* [bantu]. Selepas itu mereka bagi lagi mesin-mesin untuk membuat blok batik. Kebanyakannya mereka yang membantu dari segi mesin dan bengkel.

- MA** : Soalan seterusnya mungkin ada kaitan sedikit dengan mengajar pekerja-pekerja Encik Ghani. Adakah encik ada menyediakan kursus membuat blok batik untuk mereka?
- MG** : Cadangan saya *kita* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] akan membuat *balik* [lagi] kursus-kursus yang selama ini kita rasa terbengkalai. *Kita* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] akan buat lagi. *Kita* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] jangan serik. Jangan putus asa. Kita buat dan cari lagi [kursus]. Kita *takut* [bimbang] *benda-benda* [blok batik] ini akan pupus bila *tak ada* [tiada] generasi baru sanggup membuat blok batik ini. *Pasal* [kerana] dulu mungkin masa itu kita *tak* [tidak] dapat cari pekerja kerana *tida* [pengusaha batik]. Memandangkan keadaan sekarang ini blok batik semakin banyak. Permintaan semakin *banyak* [tinggi] jadi *dia* [blok batik] laku *balik* [kembali]. *Dulu* [dahulu] ada pertandingan antara batik lukis. Sekarang orang *dah* [sudah] jemu dengan batik lukis. Jadi *kita* [saya] rasa kalau buat *round kedua* [menghidupkan kembali blok batik].

MA : **Maksud Encik Ghani sebelum ini tidak pernah mengadakan kursus membuat blok batik sendiri?**

MG : Sebelum *ni* [ini] *tak* [tidak pernah]. Maksudnya [pihak] kraftangan yang taja [anjur]. *Dia* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] membayar malah saya sendiri juga dibayar oleh mereka. *Orang belajar* [peserta kursus] pun *dia* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] bayar.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5 : SUMBANGAN

MA : Baiklah, soalan seterusnya. Apakah sumbangan Encik Ghani sepanjang membuat blok batik?

MG : Sumbangan saya menolong pengusaha batik untuk membuat batik, kalau saya tidak membuat blok batik, mungkin *dia* [pengusaha batik] *tak boleh* [tidak dapat] membuat batik. Itulah sumbangan saya rasanya. Jadi, kalau tiada pengganti saya, saya rasa *benda* [blok batik] akan lenyap begitu saja [sahaja]. Mungkin kalau tiada blok batik ni, *dia* [pengusaha batik] akan membuat batik lukis sahaja. Sepanjang zaman pun hanya batik lukis. Batik blok dikira pupus.

MA : Jadi, Encik Ghani ini antara yang menghidupkan seni blok batik?

MG : Saya rasa sekarang *ni* [ini] mungkin ada lagi *dua* [2] atau *tiga* [3] orang yang macam *saya* [membuat blok batik] tapi mereka ni kira sebaya dengan saya. Lebih kurang *enam puluh* [60] tahun ke atas. Saya sendiri pun *dah* [sudah] menjangkau *enam puluh* [60] tahun. Jadi mereka pun tercari-cari juga *pengganti* [pembuat blok batik] tapi memang susah.

MA : Siapa lagi kenalan Encik Ghani yang membuat blok batik?

MG : Ada kawan saya yang membuat blok batik di Kampung Sireh. Dia pun sebaya dengan saya juga. Ada juga di Wakaf Che Yeh. Terengganu pun ada *seorang* [pembuat blok batik].

MA : Adakah susah untuk mencari pengusaha blok batik dari negeri lain?

MG : Begini, asalnya di Kelantan [blok batik]. Biasanya *pereka* [corak blok] semuanya wujud di sini. Kalau di Malaysia batik blok, di Indonesia pula tempat asalnya batik lukis. Di Kelantan adalah tempat asalnya wujud batik blok, bukan batik lukis.

MA : Masih ramai lagikah pengusaha batik di Malaysia?

MG : Pengusaha batik ramai tapi yang membuat blok batik *tu* [itu] tiada. Kadang-kadang [pihak] kraftangan ni mengajar daripada membuat batik lukis kepada batik blok. Mereka *membuat* [mengadakan] kursus. Setelah mereka pandai membuat blok batik daripada kursus yang diberi, mereka *tak* [tidak] membuat blok batik. Ini menyukarkan pengusaha batik untuk mencari pembuat blok batik. Apabila *mereka* [pengusaha batik] mahu *menempah* [blok batik] dengan saya, saya beritahu...

mereka saya *tak* [tidak] sempat kerana perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia juga menempah dengan saya. Kraftangan juga buat batik juga *untuk* [tujuan] kajian mereka. Jadi sekarang *ni* [ini] saya banyak buat blok batik untuk pihak kraftangan.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6 : PENCAPAIAN

MA : Apakah pencapaian tertinggi Encik Ghani sepanjang membuat blok batik?

MG Perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia melantik saya sebagai Adiguru dalam bahagian blok batik. Adiguru ni terbahagi kepada banyak bidang. Contohnya kayu, logam, *ukiran pandai besi* [seni berasaskan besi]. Mereka melantik seorang Adiguru untuk setiap bidang. Adiguru boleh diibaratkan sebagai *master* [ketua] dalam bidang masing-masing. Mereka melantik saya sebagai Adiguru pada *lapan belas* [18] Disember *dua ribu sebelas* [2011]. Kebanggaan saya, saya pernah menyertai pertandingan kraftangan pada tahun *dua ribu tiga belas* [2013]. Saya menjuarai hadiah pertama dalam bidang logam. *Dia* [pertandingan] banyak kategori. Jadi saya buat blok batik dalam *frame* [bingkai]. Kraftangan yang anjurkan pertandingan ini.

MA : Di manakah pertandingan itu diadakan?

MG : Pertandingan itu diadakan di *laman pejabat kraftangan* [kompleks kraftangan]. Biasanya hari kraf kebangsaan akan diadakan di Jalan Conlay-Kuala Lumpur di *pejabatnya* [kompleks kraftangan]. *Mereka* [perbadanan kemajuan kraftangan...

Malaysia] menganjurkannya pada setiap tahun. Biasanya pada bulan *dua* [2] ialah hari kraf kebangsaan. Pada masa itulah *dia* perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] membuat pertandingan. Pelbagai pertandingan dan jualan yang dibuat [diadakan]. Biasanya *kita orang-orang kraf* [pembuat kraftangan] akan berkumpul di sini. Biasanya pada bulan *dua* [2] atau bulan *tiga* [3]. Kadang-kadang sahaja saya dipanggil. Biasanya kalau saya pergi *mereka* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] akan suruh saya membuat demonstrasi membuat blok batik sebanyak *dua* [2] atau *tiga* [3] tahun sekali.

MA : Baiklah, berbalik kepada soalan berkenaan penganugerahan Adiguru. Adakah gelaran Adiguru ini dianugerahkan kepada hanya seorang tokoh sahaja?

MG : Setiap bidang itu hanya seorang sahaja sepanjang hayat. Jika mereka sudah tiada baru digantikan dengan orang lain.

MA : Adakah Encik Ghani dianugerahkan sebagai Adiguru di kalangan pembuat blok batik?

MG : Ya, pembuat blok batik sahaja. Dalam ramai-ramai pembuat blok batik ini saya yang terpilih. Maksudnya gelaran ini seperti *Sifu* [guru] atau *Master* [ketua] dalam bidang itu.

MA : Adakah Encik Ghani pernah mendapat liputan daripada mana-mana pihak media?

MG : Memang ada. Tapi saya lupa tarikh. Memang banyak contohnya seperti dalam akhbar, Dalam program televisyen juga ada disiarkan. Contohnya seperti T-V tiga [3] dan T-V satu [1]. Tapi saya lupa tarikh *dia* [tersebut].

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7 : CABARAN

- MA** : **Sepanjang berada dalam bidang membuat blok batik ini, apakah tugas yang paling mencabar? Mungkin dari segi fizikal ataupun mental.**
- MG** : Sebenarnya dari segi mental kesabaran itu memang perlu ada, sebab biasanya kita buat kerja kalau boleh sampai *sepuluh* [10] jam barulah banyak pengeluaran. Kalau *setakat* [hanya] *kita* [saya] kerja *lapan* [8] jam sedikit sahaja pengeluarannya. Jadi kita kena ada kesabaran.
- MA** : **Bagaimana pula dari segi fizikal? Adakah Encik ghani pernah mengalami kemalangan semasa bekerja?**
- MG** : Kadang-kadang sahaja, biasanya asid yang *kita* [saya] bakar itu *mercik* [tepercik] ke mata. Tapi kalau dicuci akan *ok balik* [pulih kembali]. Begitu *ja* [sahaja] kebiasanya. Kadang-kadang tangan terluka terkena besi *sikit-sikit* [luka ringan] *saja* [sahaja].

MA : Apakah kelainan blok batik yang Encik Ghani hasilkan berbanding blok batik yang dihasilkan orang lain?

MG : Saya rasa tiada beza sangat tetapi kita kena banyak mereka corak dengan menarik. Katakan lah seorang pengusaha batik membawa *design* [rekaan corak], kita akan mengolahnya supaya lebih cantik dan menarik. Jadi saya rasa di situlah orang akan tertarik dengan hasil kerja kita dan akan *kekal* [menempah] dengan kita untuk membuat blok batik seterusnya. Kecantikan dan ketelitian kita *kena* [perlu] ada. Kualiti *kena* [perlu] ada, pateri kita *kena* [perlu] kemas dan kuat supaya tidak tercabut.

MZH : Apakah jenis-jenis corak blok batik yang Encik Ghani hasilkan?

MG : Coak biasanya dari tahun *tujuh puluhan* [70-an] *biasa* [selalu] dibuat ialah pucuk rebung. Pucuk rebung biasanya dibuat untuk kain sarung. Pasa masa itu, batik sarung memang *popular* [terkenal]. Biasanya kain sarung akan ada satu set *empat* [4] atau *lima* [5] blok. *Design* [corak] *lain-lain* [berlainan]. Ada *satu* [1] lagi bunga-bunga disambung –sambung. Kita *kena* [perlu] pandai menyusun rekaannya. *Lepas* [selepas] kita membuat *design* [corak], kita *kena* [perlu] tunjuk *dulu* [dahulu] kepada pelanggan. Jika *mereka* [pelanggan] *nak* [hendak] mengubah rekaan, *mereka* [pelanggan] akan beritahu kita bagaimana *nak* [hendak] *mengubah...*

[diubah]. Lepas *tu* [selepas itu] kita tunjuk kepada *mereka* [pelanggan] *balik* [kembali]. Kalau *mereka* [pelanggan] setuju, kita akan teruskan membuat blok. *Design* [corak] itu hanya dilukis di atas kertas. Biasanya kita akan lukis di atas *tracing paper* [kertas surih].

MA : Adakah rekaan corak blok batik direka sendiri oleh Encik Ghani sendiri?

MG : Biasanya ada *design* [corak] yang *kita* [saya] buat sendiri. Ada juga *design* [corak] yang dibawa oleh *pengusaha batik* [pelanggan]. Biasanya pengusaha batik akan lukis sekadar apa yang *dia* [pengusaha batik] tahu, selepas itu *kita* [saya] yang akan olah supaya sesuai dengan blok batik. Kalau ada yang tak [tidak] faham, banyak yang kita *kena* [perlu] ubah. Kalau yang faham, *kita* [saya] *tak* [tidak] perlu ubah apa yang *dia* [pelanggan] lukis.

MA : Soalan seterusnya. Bagaimana pula dengan harga blok batik yang dihasilkan?

MG : Biasanya blok batik *kita* [saya] *kena* [perlu] nilai *satu* [1] hari berapa *kita* [saya] mahu. Sekarang *ni* [ini] saya ambil harga *tujuh puluh* [70] ringgit *sehari* [1]. Kalau *kita* [saya] buat [blok batik] *tiga* [3] hari bermakna *dua ratus sepuluh* [210] ringgit tetapi *kita* [saya] akan *caj* [kenakan harga] barang-barang dengan harga *empat...*

pulut [40] ringgit. Bermakna harga *dia* [blok batik] lebih kurang *dua ratus lima puluh* [250] ringgit. Kalau *kita* [saya] buat selama *sehari* [1] bermakna *kita* [saya] boleh *caj* [kenakan harga] *dia* [pelanggan] sebanyak *seratus sepuluh* [110] ringgit. Kalau *kita* [saya] ambil *tujuh puluh* [70] ringgit, *lima puluh* [50] ringgit *kita* [saya] *kena* [perlu] bagi kepada pekerja saya. Jadi *kita* [saya] untung *dua puluh* [20] ringgit *saja* [sahaja] lah.

MA : Adakah Encik Ghani mengenakan harga yang berlainan antara rekaan yang direka sendiri oleh Encik Ghani dengan rekaan yang dibawa oleh pelanggan?

MG : *Tak* [tidak], saya kira sama sahaja. Lebih kurang saja [sahaja]. Tapi kadang-kadang *kita* [saya] boleh juga *caj* [kenakan harga] atas satu rekaan sebanyak *dua puluh* [20] ringgit.

MA : Siapakah pelanggan tetap yang selalu membeli blok batik daripada Encik Ghani?

MG : Pelanggan saya biasanya dari kalangan pengusaha batik di sekitar *P-C-B* [Pantai Cahaya Bulan] kerana di sana ramai pengusaha batik. Selain itu, perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia juga menjadi antara pelanggan saya. *Mereka* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] membeli blok batik untuk membuat kajian dan mengumpul corak.

MA : Adakah Encik Ghani menyediakan harga yang lebih murah untuk pelanggan tetap?

MG : Tidak, harganya sama *saja* [sahaja]. Biasanya pelanggan saya sekarang ini kebanyakannya dari negeri luar. Sabah pun ada juga. Selain *tu* [itu], Kedah dan Johor juga menjadi pelanggan saya.

MA : Bagaimana pula dengan sambutan daripada pelanggan dari luar negara?

MG : Dulu ada sekali tapi dia orang kulit putih. Tapi dia tinggal di sini. Dia kata dia *nak* [hendak] beli blok batik *ni* [ini] untuk dibawa pulang ke negaranya. Dia mengajar...

di sebuah universiti di Malaysia dan dia akan bersara. Jadi dia membeli blok batik untuk dibawa *balik* [pulang] ke negaranya. Dia asalnya dari Afrika Selatan. Dia beli blok *dengan* [daripada] saya dan bawa balik. Orang dari China juga pernah beli *dengan* [daripada] saya semasa saya membuat demonstrasi di Conlay-Kuala Lumpur. Kebetulan saya ada menjual blok batik, jadi mereka membeli beberapa blok daripada saya.

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8 : TEKNIK MEMBUAT BLOK BATIK

MA : Soalan seterusnya ialah soalan berkenaan teknik-teknik membuat blok batik.
Apakah peralatan asas yang digunakan untuk membuat blok batik?

MG : Peralatannya ialah gunting, playar, tukul-- Bahannya pula termasuk tembaga kuning, zink. Zink biasanya kita *order* [tempah] dari luar negeri di Pulau Pinang. Kita *kena* [perlu] tempah atau kita pergi beli sendiri pun boleh.

MA : **Kenapa zink perlu dibeli dari Pulau Pinang?**

MG : Sebab tiada kilang tin di Kelantan. Dulu ada masa zaman *tujuh puluhan* [70], *lapan puluhan* [80]. Kita hanya beli cebisan tin. *Mereka* [kilang tin] potong-potong buat tin dan kita hanya beli cebisan tin yang lebih. Kita beli cebisan tin itu untuk membuat gabungan dengan zink dan tembaga.

MA : Bagaimana pula dengan tembaga kuning?

MG : Tembaga kuning boleh dibeli di sebuah kedai bernama Syarikat Guan Ang. Di Kelantan hanya kedai itu *saja* [sahaja] yang menjual alat untuk membuat blok. Setahu saya kedai *tu* [itu] sahaja. *Tak* [tidak] ramai menjual barang-barang ini.

MA : Adakah peralatan yang diguna ini dibeli sendiri atau adakah Encik Ghani mendapat sumbangan daripada mana-mana pihak?

MG : Saya beli sendiri. Tetapi mesin memang *pihak kraftangan* [perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia] yang *bagi* [sumbangan]. *Satu* [1] mesin *tu* [itu] *kita* [saya] guna untuk mengemekkan timah supaya lebih senang untuk digunting menjadi kecil. Timah digunakan untuk pateri. Asid diguna untuk proses pateri supaya ia lebih kuat melekat. *Kita* [saya] letak asid selepas *tu* [itu] *kita* [saya] akan pateri pada timah.

MA : Bolehkah Encik Ghani terangkan sekali lagi jenis-jenis blok batik yang dihasilkan?

MG : *Macam* [seperti] yang saya katakan tadi, jenis- jenis batik yang dihasilkan termasuk pucuk rebung. Dalam batik sarung ni dia ada pucuk rebung, kapit, *lepas tu* [selain itu] tepi dan tubuh atau badan. *Macam* [kalau] rebung, ia berada di belakang punggung. Di situ lah kawasan pucuk rebung. Selain itu bunga-bunga, abstrak. Begitulah biasanya yang *kita* [saya] buat.

MA : Adakah Encik Ghani ada menamakan setiap blok batik encik hasilkan sendiri?

MG : Biasanya pengusaha batik itu sendiri yang akan menamakan setiap blok. Supaya senang untuk *dia* [pengusaha] cari atau meminta tolong pekerjaanya untuk mencari blok-blok yang disimpan. Bukan *kita* [saya] yang memberi nama blok itu. Katakanlah dia nak [perlukan] pucuk rebung ataupun tudung hidang sebab *mereka* [pengusaha batik] ada juga menyebut tudung hidang untuk blok-blok yang lama. Jadi pekerja akan faham dan boleh cari blok itu. Pengusaha batiklah yang memberi nama blok *mereka* [pengusaha batik].

MA : Dari manakah Encik Ghani mendapatkan ilham untuk menghasilkan setiap corak blok batik?

MG : Biasanya *kita* [saya] akan mengubahsuai daripada corak bunga daripada kain-kain yang dipakai. Katakan lah batik sarung. Biasanya *kita* [saya] akan cari batik sarung rekaan dari Indonesia. *Lepas tu* [selepas itu] *kita* [saya] akan olah balik. *Kita* [saya] tidak akan buat corak sama tapi corak yang *kita* [saya] ambil itu akan diolah balik [kembali]. *Kita* [saya] akan *modify* [ubahsuai] corak itu supaya nampak lebih menarik mengikut *cara* [gaya] kita. *Kita* [saya] *tak* [tidak] akan mengikut cara mereka. Biasanya *kita* [saya] akan cari *idea* [ilham] macam tu lah. *Kita* [saya] sentiasa ubahsuai. Corak-corak yang *kita* [saya] tengok menarik kita akan ambil dan *kita* [saya] olah. Kalau rasa corak yang *kita* [saya] buat itu tidak nampak menarik saya akan *edit* [ubah] dan buat balik. Biasanya *design* [corak] yang dibuat mengambil masa *dua* [2] jam untuk disiapkan.

MZH : Bolehkah Encik Ghani ceritakan proses daripada corak direka sehingga ia menjadi kain batik?

MG : Mula-mula begini. Mula-mula kita akan buat lakaran *design* [corak]. *Lepas tu* [selepas itu] kita akan potong tembaga pula. Kita *nak* [mahu] saiz dia mengikut saiz biasa. Dalam *setengah* [1/2] inci ketinggian tembaga itu. *Selepas itu* baru lah kita...

pateri untuk kita satukan ia sesama tembaga dan zink supaya melekat. Supaya ia sambung-menyambung. *Lepas tu* [selepas itu] baru lah kita buat pemegang pula. Pemegang *dia* [blok batik] ni untuk senang direnjis masa *nak* [hendak] cop. Renjis lilin dalam kualiti itu supaya senang kita terapkan pada kain putih itu. Selepas itu *pembatik* [pengusaha batik] pula yang akan proses. Kita Cuma mengolahkan blok *saja* [sahaja].

MA : Itu ialah penerangan secara ringkas proses daripada membuat blok batik sehingga ia dihantar ke bengkel membuat batik. Baiklah,soalan seterusnya ialah berapa lamakah setiap blok batik boleh disiapkan?

MG : *Dia* [blok batik] *tak tentu* [tidak menentu]. Biasanya tiga [3] hari. Kadang-kadang *empat* [4] hari pun ada, *lima* [5] hari pun ada tapi yang *biasa sekali* [paling kerap] *tiga* [3] hari la. Yang biasa *kita* [saya] buat *tiga* [3] hari untuk siap *satu* [1] blok. Kebanyakannya--

MA : Berapakah saiz asas untuk satu [1] blok?

MG : Biasanya *ia* [saiz blok] mengikut kepada saiz kualiti. Kualiti biasanya *tiga belas* [13] inci dan berbentuk bulat. Jadi kita akan buat blok tu biasanya *dua belas* [12] inci. Tapi kalau *ia* [kualiti lilin] bersegi, *ia* [blok batik] akan jadi makin kecil atau saiz akan menjadi *lapan* [8] inci. *Lapan* [8] kali [darab] *lapan* [8]. Kalau *ia* [kualiti lilin] bulat kita boleh buat saiz dalam *dua belas* [12] inci. Maksudnya *ia* [blok batik] dibuat untuk muat dalam kualiti lilin. Kalau kualitinya besar kita boleh buat blok *tu* [itu] *besar lagi* [lebih besar]. Tapi biasanya kualiti saiz dia sama *ja* [sahaja].

MA : Nampaknya soalan kita pun sudah hampir ke penamatnya. Apakah perasaan Encik Ghani untuk setiap blok batik yang telah berjaya disiapkan?

MG : Memang setelah *kita* [saya] teliti semua, *check* [semak] semua, *kita* [saya] akan rasa puas hati lah. Setelah itu *kita* [saya] boleh hantar kepada *pengusaha* [batik]. Kena *check* [semak] dulu. Teliti blok tu balik. Bila *kita* [saya] rasa puas hati, *kita* [saya] boleh hantar kepada pengusaha batik.

MA : Adakah blok batik ini mesti dalam bentuk empat [4] segi?

MG : Boleh, *tak* [tidak] semestinya. Bebas pun boleh juga. Cuma corak *dulu* [dahulu] biasanya bersegi . Tapi sekarang ni *dia* [blok batik] bebas. Jadi ia terikut-ikut dengan *design* [corak] batik lukis. Corak dia tu. Sebab batik lukis *ni* [ini] coraknya bebas. Kalau kita buat dalam bentuk bersegi, ia akan jadi *style* [gaya] lama. *Style* [gaya] *dulu* [lama]. Jadi *mereka* [pengusaha batik] tak *nak* [mahu] juga corak *dulu-dulu* [lama] . Dia *nak* [mahu] kan pembaharuan. Dia *nak* [mahu] kita kreatif la.

Tamat bahagian 8

BAHAGIAN 9 : IDOLA DAN INSPIRASI

MA : Baiklah, soalan seterusnya. Berkenaan idola dan inspirasi Encik Ghani. Siapakah idola yang encik jadikan inspirasi untuk menceburi bidang ini?

MG : Inspirasi? Susah dalam bidang batik ni. Bidang blok batik ni susah sikit *nak* [hendak] diberitahu. Kalau saya cerita pun *takut* [bimbang] *tak* [tidak] kenal. Sebab pengusaha blok batik ni dia *dah* [telah] meninggal. Nama dia Nik Nor. Nik Mohamad Nor tapi saya lupa *bin siapa* [anak siapa]. Saya tengok cara dia buat blok ni memang teliti. Dia pakai [ada] pekerja pun ramai juga pada masa *tu* [itu]. Kalau dia buat *design* [corak] *tu* [itu] *satu* [1] hari dia boleh buat *sepuluh* [10] keping hingga *dua belas* [12] keping dalam *satu* [1] hari. Dia cepat buat *design* [corak]. Kalau saya buat *design* [corak] saya mampu buat *empat* [4] keping sahaja. Jadi bagi saya dia *tu* [itu] memang idola saya. Saya tabik pada dia. Dia *dah* [telah] meninggal tapi saya *kira* [anggap] dia memang idola saya.

MA : Adakah dia mempunyai pewaris yang menyambung perusahaannya?

MG : *Tak ada* [tiada]. Pekerja dia pun *tak ada* [tiada]. *Last* [terakhir] dengan dia. Kalau dia masih wujud saya rasa dia akan jadi Adiguru tapi dia *tiada* [meninggal]. *Design* [rekaan] dia pun cantik. Dia pandai *design* [corak].

MA : Di manakah tempat tinggal beliau?

MG : Saya rasa Panji. Saya pun tak ingat tempat [tempat tinggal] dia [Nik Nor]. Kalau tak [tidak] silap di Panji. Tapi saya tak ingat nama kawasan dia. Kita [saya] panggil dia Nik Nor. Dia memang kalau buat blok batik masa tu memang dia tersohor lah. Kalau tanya *orang buat batik* [pengusaha batik], *orang* [pengusaha] akan kenal dia.

MA : Pada tahun berapakah beliau aktif dalam membuat blok batik?

MG : *Dia* [Nik Nor] *start* [mula] macam saya juga. Dalam tahun *tujuh puluhan* [70] macam *tu* [itu] juga tapi dia meninggal dalam tahun *sembilan puluhan* [90]. Saya rasa lebih kurang macam tu.

MA : Berapakah umur beliau?

MG : Dia lebih tua. Dia sebaya *tuk guru* [majikan] saya Mohd Zain Ali. *Dia* [Nik Nor] belajar sekali. Dia mengusahakan blok batik tu sekali. Tapi blok batik dia lebih cantik. Blok batik dia lebih cantik daripada *tuk guru* [majikan] saya Mohd Zain Ali. *Teliti dia lagi* [dia lebih teliti]. Dia tegas dengan pekerja dia. Dia tak buat kerja *cincai-cincai* [sambil lewa]. Kerja dia berseni. Kalau *bos* [majikan] saya *cincai-cincai* [sambil lewa].

TAMAT BAHAGIAN 9

BAHAGIAN 10 : HARAPAN DAN IMPIAN

MA : Baiklah, soalan seterusnya. Apakah harapan dan impian Encik Ghani dalam bidang blok batik?

MG : Macam *ni* [begini]. Harapan saya selagi ada batik, saya nak blok batik *ni* [ini] seiring dengan batik. Jadi kita nak blok batik *ni* [ini] tidak pupus begitu sahaja. Kita *nak* [mahu] ada pengganti. Selepas tu kita *nak* [mahu] pengusaha blok batik *ni* [ini] pendapatan dia sama juga dengan pengusaha batik. Sebab apa kalau blok batik ni pendapatannya sangat rendah, *kita* [saya] rasa *benda* [blok batik] ni akan pupus. Kita nak pendapatan *dia* [pembuat blok batik] ni banyak macam pendapatan *pembuat batik* [pengusaha batik]. Itu harapan saya sekarang *ni* [ini]. Jadi kita *nak* [hendak] kalau boleh pengusaha batik ni jangan takut-takut membayar duit yang lebih, baru lah *benda* [blok batik] *ni* [ini] tidak pupus. Baru la *budak-budak* [generasi muda] berminat. Kalau *masuk* [pendapatan] banyak sedikit *dia* [mereka] akan berminat la. Kalau kita masih pada harga yang sama *boring* [bosan] lah. *Budak-budak* [generasi muda] tidak berminat. Contohnya seperti anak saya. Dia akan *pergi* [berminat] kepada membuat batik bukan kepada membuat blok batik. Itu contoh yang kita ada. Itu lah harapan saya. Kita *tak* [tidak] mahu blok batik *ni* [ini] pupus dan tidak hanya batik lukis.

MA : Jadi begtu lah sahaja rakaman audio temubual bersama Encik Md Ghani Bin Mat. Seorang tokoh membuat blok batik yang telah dianugerahkan sebagai seorang Adiguru oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Kita akan tamatkan rakaman temuramah ini. Terima kasih. Assalamualaikum.

MG : Sama-sama. Waalaikumsalam.

TAMAT BAHAGIAN 10

LAMPIRAN

RUJUKAN

RUJUKAN

Md Ghani bin Mat (2015, November 29) Personal Interview

Bahagian Pemuliharaan Kategori (2015, November 20). Pengiktirafan Tokoh. *Berkemahiran dan pakar dalam bidang kraf warisan : Md Ghani Bin Mat*. Retrieved from http://tokohadiguru.blogspot.my/2012/berkemahiran-dan-pakar-dalam-bodang_8406.html

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

Bahagian 1: Latar Belakang

1. Siapakah nama sebenar encik?
2. Apakah nama gelaran encik?
3. Bilakah encik dilahirkan?
4. Di manakah encik dibesarkan?
5. Pasir Mas? Maksudnya bukan berasal di Wakaf Bharu?
6. Adakah di sini tempat tinggal Encik Ghani?
7. Siapakah nama penuh ayah encik?
8. Siapakah pula nama ibu encik?
9. Berapa orang adik beradik Encik Ghani?
10. Encik Ghani anak yang ke berapa?

Bahagian 2 : Sejarah Pendidikan

11. Dimanakah encik bersekolah?
12. Apakah kenangan manis Encik Ghani di sekolah yang Encik tak boleh lupakan?

Bahagian 3 : Sejarah Pekerjaan Awal

13. Adakah Encik Ghani ada kerja lain selepas tamat sekolah?
14. Adakah Encik Ghani bekerja sebagai pengecop batik di situ?
15. Berapa lamakah Encik Ghani bekerja di situ?
16. Apakah sumbangan Encik Ghani sepanjang bekerja di situ?

Bahagian 4 : Pengalaman Sepanjang Menjadi Pembuat Blok Batik

17. Dari manakah asal usul blok batik atau mungkin sejarah dia?
18. Adakah bekerja sambil belajar buat blok batik?
19. Adakah Encik Ghani ada mewarisi bakat membuat blok batik ini daripada ahli keluarga?
20. Adakah Encik Ghani belajar membuat blok batik dari tempat pengusaha batik itu?
21. Adakah encik pernah menyertai kursus?
22. Adakah Encik Ghani sebelum ini pernah mengadakan kursus membuat blok batik sendiri?
23. Adakah encik Ghani yang bertanggungjawab memberi tunjuk ajar kepada pekerja untuk membuat blok batik?
24. Adakah Encik Ghani ada membawa pekerja untuk bekerja di sini?
25. Adakah Encik Ghani juga mengajar anak-anak untuk membuat blok batik.
26. Berapakah umur mereka?
27. Adakah mereka masih belajar?
28. Apakah cabaran ketika mengajar pekerja atau anak-anak encik membuat blok batik?
29. Di manakah tempat Encik Ghani membuat blok batik sekarang ini??
30. Adakah Encik Ghani sendiri yang membangunkan tempat ini?

Bahagian 5 : Sumbangan

31. Apakah sumbangan Encik Ghani sepanjang membuat blok batik?
32. Adakah Encik Ghani ini antara yang menghidupkan seni warisan kraf blok batik?
33. Siapakah lagi kenalan Encik Ghani yang membuat blok batik?
34. Adakah sukar untuk mencari pengusaha blok batik dari negeri lain?
35. Masih ramai lagikah pengusaha blok batik di Malaysia?

Bahagian 6 : Pencapaian

36. Apakah pencapaian tertinggi Encik Ghani sepanjang membuat blok batik?
37. Di manakah pertandingan itu diadakan?
38. Adakah gelaran Adiguru ini dianugerahkan kepada hanya seorang tokoh sahaja?
39. Adakah Encik Ghani dianugerahkan sebagai Adiguru di kalangan pembuat blok batik?
40. Adakah Encik Ghani pernah mendapat liputan daripada mana-mana pihak media?

Bahagian 7 : Cabaran

41. Apakah tugas yang paling mencabar dari segi fizikal ataupun mental?
42. Adakah Encik Ghani pernah mengalami kemalangan semasa bekerja?
43. Apakah kelainan blok batik yang Encik Ghani hasilkan berbanding blok batik yang dihasilkan oleh pembuat blok yang lain?
44. Apakah jenis-jenis corak blok batik yang Encik Ghani hasilkan?
45. Adakah rekaan corak blok batik direka sendiri oleh Encik Ghani sendiri?
46. Bagaimana pula dengan harga blok batik yang dihasilkan?
47. Adakah Encik Ghani mengenakan harga yang berlainan antara rekaan yang direka sendiri oleh encik dengan rekaan yang dibawa oleh pelanggan?
48. Siapakah pelanggan tetap yang selalu membeli blok batik daripada Encik Ghani?
49. Adakah Encik Ghani menyediakan harga yang lebih murah untuk pelanggan tetap?
50. Bagaimana pula dengan sambutan daripada pelanggan dari luar negara?

Bahagian 8 : Teknik Membuat Blok Batik

51. Apakah peralatan asas yang digunakan untuk membuat blok batik?
52. Kenapa cebisan zink perlu dibeli dari Pulau Pinang?
53. Bagaimana pula dengan tembaga kuning?
54. Adakah peralatan yang diguna ini dibeli sendiri atau adakah Encik Ghani mendapat sumbangan daripada mana-mana pihak?
55. Bolehkah Encik Ghani terangkan jenis-jenis blok batik yang dihasilkan?
56. Adakah Encik Ghani ada menamakan setiap blok batik encik hasilkan sendiri?
57. Dari manakah Encik Ghani mendapatkan ilham untuk menghasilkan setiap corak blok batik?
58. Bolehkah Encik Ghani ceritakan proses daripada corak direka sehingga ia menjadi kain batik?
59. Berapa lamakah setiap blok batik boleh disiapkan?
60. Berapakah saiz asas untuk setiap blok batik?
61. Adakah blok batik yang dihasilkan mesti dalam bentuk bersegi?
62. Apakah perasaan Encik Ghani untuk setiap blok batik yang telah berjaya disiapkan?

Bahagian 9 : Idola dan Inspirasi

63. Siapakah idola yang encik jadikan inspirasi untuk menceburi bidang ini?
64. Berapakah umur beliau?
65. Di manakah tempat tinggal beliau?
66. Pada tahun berapakah beliau aktif dalam bidang membuat blok batik?
67. Adakah beliau mempunyai pewaris yang menyambung perusahaannya?

Bahagian 10 : Harapan dan Impian

68. Apakah harapan dan impian Encik Ghani untuk bidang blok batik?

SURAT PERJANJIAN

**Pejabat Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik)**
Deputy Rector Office
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156
Email : tpheakln@kelantan.uitm.edu.my



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Tarikh : 15 Disember 2015

Surat Kami : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan / Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

BIL	NAMA	NO. UiTM
1	MOHD AFIQ BIN MOHAMMAD	2014432444
2	MUHAMMAD ZUL HAQIF BIN MOHD AZMI	2014418984

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEP) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)**, bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan kursus yang mereka ikuti **PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi saudara **MOHD AFIQ BIN MOHAMMAD**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.
Sekian terima kasih.

Yang benar,

NAJIBAH BINTI MOHAMED NAZIR
Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Akademik)
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Encik Md Ghani Bin Mat pada 29/11/2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

.....
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
& Fakulti Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan
Kampus Machang

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Assalamualaikum, saya Mohd Afiq Bin Mohammad akan memulakan rakaman temubual bersama encik Md Ghani Bin Mat. Seorang tokoh yang dianugerahkan gelaran tokoh Adiguru yang diberi oleh Perbadanan Kemajuan Kraf Malaysia. Wawancara dibuat di bengkel beliau di Wakaf Bharu, Kelantan pada 29 November, 2015. Satu rakaman audio telah dibuat untuk tujuan kajian pembelajaran.

Masa	Subjek	Nama/Tempat Rujukan
Bahagian 1: Latar Belakang		
00:00:00-00:00:32	Pengenalan	<ul style="list-style-type: none">• Memulakan rakaman audio dengan pengenalan ringkas mengenai tokoh.
00:00:32-00:02:40	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none">• Md Ghani Bin Mat• Pak Ghani• 23 disember 1956• Dibesarkan di Pasir Mas• Tinggal di Wakaf Bharu• Ayah bernama Mat Bin Ismail• Ibu bernama Che Minah Binti Haji Abdullah• Anak ketiga daripada 5 orang adik beradik lelaki

Bahagian 2: Sejarah Pendidikan		
00:02:41-00:03:43	Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Bersekolah di S.I.S Primary School • Sehingga Darjah 6 • Aktif dalam bidang sukan • Olahraga
Bahagian 3 : Sejarah Pekerjaan Awal		
00:03:44-00:05:45	Pekerjaan selepas tamat sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerja di tempat membuat batik • Sungai Budor, Kota Bharu. • Selama setahun • Pencelup kain batik
Bahagian 4 : Pengalaman Sepanjang Menjadi Pembuat Blok Batik		
00:05:46-00:09:11	Asal-usul blok batik	<ul style="list-style-type: none"> • Blok asalnya diperbuat daripada kayu sebelu zink • Bekerja dengan Muhamad Zain Ali di tempat membuat batik • Zain Ali mempunyai ramai pekerja • Bekerja sambil belajar • Bekerja sebagai pereka corak • Selama 2 tahun
00:09:12-00:09:55	Bakat membuat blok batik	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mewarisi daripada sesiapa • Ayah berniaga sendiri
00:09:56-00:10:21	Penyertaan dalam mana-mana kursus	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak menyertai kursus membuat blok batik • Kerajaan banyak menganjurkan kursus • Mahir daripada pengalaman

00:10:22-00:12:13	Mengajar pekerja membuat blok batik	<ul style="list-style-type: none"> • Mula buat blok batik di Kampung Sungai Budor • Selama 2 tahun • Tanpa pekerja • Selepas setahun baru cari pekerja • Mempunyai pekerja seramai 10 orang pada tahun 80an • Perniagaan tidak maju menyebabkan terpaksa buang pekerja • Sehingga sekarang tinggal seorang
00:12:14-00:13:58	Anak sebagai pembuat blok batik	<ul style="list-style-type: none"> • Mengajar anak membuat blok batik • Tidak berminat dan memilih jalan sendiri • Anak sulung berumur 26 tahun • Anak ketiga berumur 21 tahun • Anak sulung seorang pengusaha batik • Anak ketiga mencari pekerjaan lain
00:13:59-00:16:06	Cabaran mengajar pekerja dan anak	<ul style="list-style-type: none"> • Sukar mencari yang betul-betul berminat • Kraftangan pernah mengadakan kursus • Lebih 50 orang peserta • Dibayar elaun • Tidak tahan lama

00:16:07-00:17:20	Tempat membuat blok batik	<ul style="list-style-type: none"> • Sebuah bengkel berhampiran dengan rumah • Mendapat sumbangan daripada pihak kraf untuk membina sebuah bengkel • Tanah milik isteri • Bengkel bersaiz 20 kaki persegi • Mendapat sumbangan mesin membuat blok batik
00:17:21-00:19:17	Kursus	<ul style="list-style-type: none"> • Mencadangkan kerajaan menganjurkan lagi kursus • Bimbang seni warisan ini akan pupus • Permintaan semakin tinggi tapi ditolak
Bahagian 5 : Sumbangan		
00:19:18-00:20:19	Sumbangan dalam bidang seni warisan kraf	<ul style="list-style-type: none"> • Menghidupkan seni warisan blok batik • Blok batik akan pupus sekiranya tiada pengganti
00:20:20-00:23:39	Pembuat blok batik yang lain	<ul style="list-style-type: none"> • Masih ada beberapa orang pembuat blok batik yang lain di Kelantan • Sebaya dan sudah berumur • Ada yang berasal dari Terengganu

Bahagian 6 : Pencapaian		
00:23:40-00:29:08	Pencapaian tertinggi sepanjang menjadi tukang buat blok batik	<ul style="list-style-type: none"> • Dianugerahkan gelaran tokoh Adiguru dalam bahagian blok batik • 18 Disember 2011 • Perbadanan Kemajuan Kraf Malaysia • Memenangi pertandingan kraftangan pada tahun 2013 • Tempat pertama dalam bidang logam • Pertandingan di laman Kraftangan di Jalan Conlay, Kuala Lumpur. • Membuat blok batik yang diletakkan di dalam bingkai
Bahagian 7 : Cabaran		
00:29:09-00:30:00	Cabaran dari segi mental	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan kesabaran yang tinggi • Penat mereka corak blok • Berdasarkan pengeluaran yang dihasilkan
00:30:01-00:30:43	Cabaran dari segi fizikal	<ul style="list-style-type: none"> • Kemalangan kecil dan ringan • Terkena asid yang digunakan untuk proses pateri • Tidak memberi kesan panjang • Tangan terluka ketika menggunting cebisan zink

00:30:44-00:34:20	Memastikan corak lain dari yang lain	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu mereka corak yang tidak menyamai dan tidak meniru corak orang lain • Rekaan yang unik
00:34:21-00:39:21	Harga blok batik	<ul style="list-style-type: none"> • Harga akan dikira berdasarkan yang diambil untuk menyiapkan setiap blok • RM70 satu hari • Ditambah dengan caj harga barang yang digunakan iaitu sebanyak RM40 • RM50 akan ditolak untuk dibayar kepada pekerja • Hanaya akan mendapat RM20 sebagai untung
Bahagian 8 : Teknik Membuat Blok Batik		
00:39:22-00:41:51	Peralatan asas	<ul style="list-style-type: none"> • Gunting, playar, tukul, alat pateri
	Bahan asas	<ul style="list-style-type: none"> • Tembaga kuning, cebisan zink, asid
00:41:52-00:42:55	Sumber peralatan yang digunakn	<ul style="list-style-type: none"> • Beli peralatan asas sendiri • Bahan juga dibeli sendiri • Mesin penegemek timah disumbangkan oleh pihaka kraftangan
00:42:56-00:44:47	Jenis blok batik yang dihasilkan	<ul style="list-style-type: none"> • Pucuk rebung, kapit, abstrak, bunga- bungaan • Kain sarung ada beberapa bahagian iaitu pucuk rebung, kapit, tepi dan belakang

00:44:48-00:44:48	Menamakan blok	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak pernah menamakan blok yang dihasilkan • Pengusaha batik yang biasanya memberi nama blok supaya senang dicari
00:44:49-00:46:50	Mendapat ilham menghasilkan corak blok	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat ilham daripada corak yang telah wujud • Perlu diolah kembali supaya nampak menarik • Selalu memerhatikan corak kain sarung dari Indonesia dan akan ditambahbaik supaya sesuai dan tidak sama.
00:46:51-00:48:17	Proses membuat blok batik sehingga menjadi kain sarung	<ul style="list-style-type: none"> • Melakarkan corak blok • Tanya pendapat pelanggan sama ada berkenan atau tidak • Jika berkenan akan diteruskan dengan proses melentur tembaga mengikut corak yang dilakar • Tembaga yang sudah dilentur akan dipateri bersama zink. • Membuat pemegang blok • Dihantar kepada pelanggan
00:48:18-00:49:43	Saiz blok batik	<ul style="list-style-type: none"> • Bergantung kepada saiz kualiti lilin. • Kebiasaannya 8 inci panjang dan 8 inci lebar • Setebal setengah inci
00:49:44-00:49:57	Masa yang diperlukan	<ul style="list-style-type: none"> • Biasanya satu blok memerlukan masa selama 3 hari

00:49:58-00:51:23	Perasaan untuk setiap blok yang disiapkan	<ul style="list-style-type: none"> • Blok yang siap akan diteliti semula untuk memastikan tiada kerosakan dan dalam keadaan kukuh • Berpuasa hati dan menghantar kepada pelanggan • Gembira
Bahagian 9 : Idola dan Inspirasi		
00:51:24-00:52:30	Idola	<ul style="list-style-type: none"> • Seorang pembuat blok batik yang sudah meninggal dunia • Nik Mohamad Nor • Tinggal di Panji • Terkenal dalam bidang membuat blok batik pada tahun 70an • Kebanyakan pengusaha batik mengenalinya • Seorang yang dihormati
00:52:31-00:54:38	Inspirasi	<ul style="list-style-type: none"> • Hasil kerja yang kemas dan teliti • Dapat melakukan banyak corak dalam masa satu hari. • Tegas dalam melakukan kerja • Mempunyai ramai pekerja pada masa itu

Bahagian 10 : Harapan dan Impian

00:54:39-00:58:17	Harapan untuk masa depan	<ul style="list-style-type: none">• Selagi ada batik, selagi itu ada blok batik• Mahukan pelapis yang boleh menghidupkan seni warisan ini• Mengharapkan pendapatan pembuat blok batik seiring dengan pendapatan pengusaha batik• Bayaran yang lebih tinggi akan menarik lebih ramai orang untuk menceburi bidang ini• Tidak mahu blok batik pupus selamanya
-------------------	--------------------------	---

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	TINDAKAN	CATATAN
02.00pm- 03.00pm	14 November 2015	Menghubungi tokoh untuk mendapatkan kebenaran untuk mengadakan temuramah.	Tokoh bersetuju untuk ditemuramah tetapi tarikh belum ditetapkan.
04.00pm- 05.00pm	15 November 2015	Bertanya kepada pensyarah untuk mendapatkan kebenaran untuk menemuramah yang dipilih dan kebenaran telah diberi.	Bertanya menggunakan aplikasi telefon pintar, WhatsApp.
09.00pm- 01.00am	19 November 2015	Menyediakan soalan yang akan ditanya kepada tokoh.	Soalan yang disediakan adalah sebanyak 85 soalan.
11.00am- 12.00am	22 November 2015	Menghubungi tokoh untuk mendapatkan alamat yang lebih tepat kerana alamat yang diambil dari laman internet tidak disediakan secara terperinci.	Rumah tokoh adalah agak pedalaman dan sukar dicari.
04.00pm- 05.00pm	22 November 2015	Menghubungi tokoh untuk menetapkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan sesi temuramah bersama beliau.	Tarikh yang dipersetujui ialah pada 27 November.
06.00pm- 07.00pm	27 November 2015	Senarai soalan disemak untuk kali terakhir sebelum dicetak. Beberapa perubahan dalam soalan telah dibuat.	Senarai soalan telah dicetak selepas pengubahan siap dilakukan pada hari tersebut.

02.00pm- 03pm	27 November 2015	Tokoh telah menghubungi penemuramah untuk menyatakan bahawa sesi temuramah terpaksa dibatalkan kerana ada urusan yang tidak dapat dielakkan.	Tarikh sesi temuramah telah diubah kepada tarikh yang berikutnya iaitu pada 29 November 2015.
05.00pm- 06.00pm	28 November 2015	Menghubungi tokoh untuk mengingatkan beliau tentang sesi temuramah yang akan diadakan pada keesokan harinya.	Tokoh menyatakan yang beliau boleh meneruskan rancangan untuk mengadakan sesi temuramah pada keesokan harinya.
03.00pm- 04.00pm	29 November 2015	Pergi ke kampung tempat tinggal tokoh untuk mencari rumah beliau.	Proses mencari rumah tokoh telah mengambil sedikit masa kerana rumah beliau berada di pedalaman.
04.00pm- 06.00pm	29 November 2015	Sesi temuramah telah dijalankan tanpa sebarang halangan.	Tokoh ialah seorang yang sangat mesra dan peramah.

LAMPIRAN




Lampiran 1 : Encik Md Ghani menunjukkan cara membuat blok batik



Lampiran 2 : Blok Batik yang sudah siao



Lampiran 3 : Sijil Anugerah Adiguru Kraf Blok Batiky yang diterima Md Ghani



Lampiran 4 : Mesin pengemek timah antara mesin yang disumbangkan oleh kerajaan



Lampiran 5 : Bengkel dimana Md Ghani membuat blok batik yang disumbangkan kerajaan

INDEKS

A

abstrak.....	37
Adiguru.....	2, 25, 26, 27, 44, 47
Afrika Selatan.....	33
anak.....	4, 16, 17, 43, 46
asid.....	29, 36

B

bakat.....	13
batik	7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 19, 21, 22, 23, 25, 27, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 37, 38, 39, 40, 41, 43, 44, 45, 46
batik lukis.....	19, 21, 23, 41, 46
batik sarung.....	37, 38
bersara.....	33
besi.....	11, 25, 29
blok batik... ..	2, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 37, 38, 39, 40, 41, 43, 44, 45, 46, 47

C

CABARAN	28
caj.....	31, 32
cantik	29, 44, 45
cara.....	8, 17, 38, 43
check.....	41
China.....	33
cop.....	39
Corak.....	12, 38, 41

D

demonstrasi.....	26, 33
design.....	12, 29, 30, 31, 38, 39, 41, 43, 44
dianugerahkan	2, 26, 27, 47
direka.....	30, 32, 39

E

edit.....	38
Encik Ghani.....	2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 13, 14, 15, 16, 19, 20, 21, 22, 25, 27, 29, 30, 32, 33, 36, 37, 38, 39, 41, 43, 46

F

fizikal.....	28, 29
--------------	--------

G

gabungan.....	35
---------------	----

H

HARAPAN.....	46
harga.....	31, 32, 33, 46
hasilkan	29, 30, 38

I

IDOLA	42
ilham.....	38
IMPIAN.....	46
Indonesia.....	23, 38
INSPIRASI	42

J

Jalan Conlay.....	26
jenis- jenis.....	37
jenis-jenis	30, 37
Johor.....	33

K

kajian.....	24, 32
Kampung Sireh.....	22
Kedah.....	33
Kelantan	23, 35, 36
kemas	29
Kraftangan.....	17, 24, 25, 47
Kuala Lumpur	26, 33
Kualiti	29
kursus.....	14, 19, 20, 23

L

lakaran.....	39
luar negara.....	33

M

Malaysia	17, 18, 19, 20, 23, 24, 25, 26, 32, 33, 36, 47
Md Ghani Bin Mat	2, 47
membuat blok ...	9, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 28, 29, 30, 35, 36, 40, 44, 46, 47
menawarkan.....	14
menempah.....	23, 29
mental	28
<i>modify</i>	38

O

orang kulit putih.....	33
<i>order</i>	35

P

Pantai Cahaya Bulan.....	32
pateri	29, 36, 39
pekerja	8, 9, 11, 14, 15, 17, 19, 31, 38, 43, 45
PEKERJAAN	7
pelanggan.....	30, 31, 32, 33
pendidikan	5
pengalaman	10, 14
PENGALAMAN	10
pengusaha .	11, 13, 14, 16, 19, 21, 23, 29, 31, 32, 38, 39, 41, 43, 44, 46
peralatan	35, 36
perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia ...	18, 19, 20, 26, 32
<i>pereka</i>	12, 23
pertandingan	19, 25, 26
<i>pihak kraftangan</i>	24, 36
program televisyen.....	27
proses.....	36, 39, 40
pucuk rebung	30, 37, 38
Pulau Pinang	35

R

ringgit	17, 31, 32
---------------	------------

S

Sabah	33
saiz.....	39, 40

seni	22, 25
sumbangan	8, 18, 21, 36
Sungai Budor.....	7, 15, 18
Syarikat Guan Ang.....	36

T

teliti	41, 43, 45
tembaga.....	35, 36, 39
Tembaga kuning.....	36
Terengganu.....	22
tin 11, 35	
tokoh	2, 26, 47
tugas	28
tukang.....	10, 13

W

Wakaf Che Yeh	22
---------------------	----

Z

Zain Ali	11, 13, 14, 45
----------------	----------------